

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 14 Jun 2016 11:46
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Subject: RAMADAN MENDIDIK JIWA JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA



14 JUN 2016 / 09 RAMADAN 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

RAMADAN MENDIDIK JIWA JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA



ANJUNG TAMU ONLINE: 40 delegasi dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) telah berkunjung ke UUM Welcome Centre pada bulan Ramadan. Bagi mereka, puasa mendidik jiwa supaya lebih bersabar, pemurah, insaf, bertolak ansur dan sebagainya. Di samping itu, puasa juga dapat menghakis sifat-sifat buruk seperti sombong, riak, tamak, bakhil dan iri hati.

Apabila tiba sahaja bulan Ramadhan, ramai yang berlumba-lumba untuk berbuat kebajikan yang berlipat ganda ganjarannya dan meningkatkan amal ibadat.

Justeru, kehadiran mereka untuk Discover UUM sempena bulan yang mulia juga mempunyai kelebihannya yang tersendiri bagi menimba ilmu serta pengalaman di kampus nan hijau.

Kedamaian dan suasana Welcome Centre menyejukkan mata memandang. Malah, keinginan mereka untuk bersantai sambil menikmati keindahan persekitaran serta Bulatan Masa yang berdiri megah jelas dilihat dari loteng Welcome Centre.

Masa lawatan telah dipergunakan sebaiknya setelah selesai mendapat penerangan mengenai latarbelakang UUM sebagai sebuah universiti pengurusan. Masing-masing menzahirkan rasa keterujaan berpeluang Discover UUM sambil bersantai di kawasan Rehat & Rawat (R & R) UUM.

“Best of luck”.

“Thank you UUM”, kata Ketua Penolong Pengarah JKM, Siti Fatimah Ismail.

Manakala salah seorang delegasi yang ditemui berkata, “rasa tenang dancantik kampus UUM”.

Mereka kemudiannya diiringi oleh Penolong Pegawai Tadbir, Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences (AHSGS) Nur Zakira Awang untuk lawatan sekitar kampus sebelum mengikuti program selanjutnya. Jelaslah, berpuasa di bulan Ramadan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT tidak menghalang sebarang aktiviti untuk dilaksanakan.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

